

30/04/2003

`Haramkan edaran AWSJ, The Economist'

KUALA LUMPUR: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Datuk Adnan Tengku Mansor meminta Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengharamkan pengedaran dua media asing, The Economist dan Asian Wall Street Journal (ASWJ).

Beliau berkata, kedua-dua media itu mempunyai agenda sendiri dan sengaja mencetuskan isu untuk memecahbelahkan masyarakat.

The Economist mencetuskan kemarahan pelbagai pihak kerana mengkritik keras Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kepimpinannya manakala ASWJ menyiarkan gambar seorang pengganas tetapi namanya ditulis Dr Mahathir.

Di KUCHING Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, berkata The Economist perlu meminta maaf secara terbuka kepada Kerajaan Malaysia dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Artikel itu mungkin sebahagian daripada kempen mereka untuk memburuk-burukkan Dr Mahathir sebagai seorang pemimpin yang amat disegani di peringkat antarabangsa, khususnya di kalangan negara Islam dan negara Dunia Ketiga," katanya.